

31/01/1999

Mahkamah perintah Anwar bela diri (HL)

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi memerintahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim membela diri terhadap empat tuduhan rasuah selepas mendapati pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie (ada kes) ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Hakim Datuk S Augustine Paul, yang membacakan keputusannya pada jam 10.40 pagi semalam, memerintahkan Anwar membela diri dengan memberinya tiga pilihan, iaitu:

- * Anwar boleh berdiam diri;
- * memberi kenyataan di kandang tertuduh tetapi kenyataan itu tidak boleh ditanya atau disoal oleh peguam bela, pendakwa dan mahkamah; atau
- * memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi dan keterangan itu boleh disoal oleh peguam bela, pendakwa dan mahkamah.

Bagaimanapun, Paul memberitahu Anwar, pilihan kedua mempunyai nilai lebih rendah daripada memberi keterangan secara bersumpah dari dalam kandang saksi.

Anwar, yang berbaju putih dan berseluar coklat tua, kelihatan tenang dan tersenyum kepada anggota keluarganya selepas keputusan diumumkan berkata: "Saya memang menjangkakan saya tidak akan dibebaskan."

Sambil berdiri dalam kandang tertuduh, bekas timbalan perdana menteri itu, menerusi peguam belanya, Raja Aziz Addruse memberitahu mahkamah, beliau akan memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.

Sehubungan itu, Paul menetapkan 8 Februari ini untuk pembela memulakan kesnya selepas menolak permohonan pembela bagi menangguhkan perbicaraan selama dua minggu.

Keputusan memerintahkan bekas menteri kewangan itu membela diri dibuat pada hari ke-50 perbicaraan yang bermula 2 November tahun lalu.

Dalam keputusannya, Paul berkata, selepas menimbangkan keterangan yang mempunyai kaitan dengan tuduhan dan hujah pembela serta pendakwa, beliau mendapati pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie ke atas Anwar berhubung empat tuduhan pindaan itu.

"Dalam kata lain, pihak pendakwaan telah membuktikan inti pati kesalahan mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No.22/1970."

"Dengan itu saya memerintahkan tertuduh membela diri terhadap semua tuduhan seperti yang dipinda," katanya.

Menurut Paul, di peringkat ini, beliau tidak bercadang untuk menyatakan sebab-sebab Anwar dipanggil membela diri.

Paul juga memberitahu pihak yang terbabit dalam kes itu mengenai garis panduan perjalanan perbicaraan seterusnya, berikutan tindakan pembela dan pendakwa menyentuh kebenaran tohmahan yang terdapat dalam tuduhan itu.

Mengikut tuduhan pindaan itu, katanya, ia hanya merujuk kepada tohmahan mengenai salah laku seksual dan liwat tertuduh, bukan perbuatan sebenar salah laku seksual dan liwat Anwar.

"Kebenaran atau kepalsuan tohmahan bukan satu isu dalam perbicaraan ini. Sebarang dokumen atau hujah mengenai perkara itu adalah tidak mempunyai kaitan dan tidak boleh diterima keterangannya."

"Selaras dengan itu, keterangan untuk membuktikan kes prima facie perlu dibataskan kepada isu yang ditimbulkan dalam tuduhan pindaan sahaja," katanya.

Sebelum itu, Paul meminda perkataan dalam keempat-empat tuduhan yang sudah dipinda oleh pendakwa sebelum ini.

Pindaan itu membabitkan tuduhan kedua dan empat versi Bahasa Inggeris

manakala pindaan kedua membabitkan tuduhan pertama dan ketiga dalam tuduhan versi Bahasa Kebangsaan, dengan menambah perkataan selepas tarikh 5 Ogos 1997 bagi menepati keterangan yang telah dikemukakan "yang mana mereka telah perolehi seperti yang diarahkan dalam bentuk kenyataan bertulis bertarikh 18 Ogos 1997."

Selepas mahkamah meminda tuduhan itu, Paul memerintahkan jurubahasa mahkamah membaca semula tuduhan satu dan tiga dalam versi Bahasa Kebangsaan kepada Anwar.

Sebaik saja tuduhan pindaan itu dibacakan kepadanya, Anwar memberitau mahkamah, beliau tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan terhadap semua tuduhan pindaan itu.

Sementara itu, Raja Aziz memberitahu mahkamah, pembela memerlukan dua minggu untuk menyediakan kes pembelaan kerana mereka ingin merakamkan kenyataan saksi yang ditawarkan oleh pendakwa.

Sebelum ini, pembela berkata mereka bercadang memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tiga menteri sebagai saksi. Menteri-menteri itu ialah Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Menurut Raja Aziz, pihaknya belum lagi merakamkan kenyataan itu sebelum ini kerana mahkamah belum membuat keputusan untuk memanggil Anwar membela diri.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah, pendakwa menyerahkan kepada mahkamah berhubung permohonan penangguhan dua minggu itu.

Bagaimanapun, katanya, mahkamah perlu menggunakan budi bicaranya untuk meminta pembela memberitahu mahkamah berhubung keterangan yang dikemukakan itu mempunyai kaitan dengan tuduhan.

Menurutnya, tidak termaktub dalam undang-undang saksi perlu memberi kenyataan kepada pembela seperti didakwa oleh Raja Aziz.

(END)